

KEBERKESANAN TEKNIK MEMBACA SQ3R UNTUK MENGOPTIMUMKAN KEMAHIRAN MEMBACA DALAM KALANGAN MURID TAHUN ENAM DI SJKC CHUNG HWA KUALA LIPIS

The Effectiveness of the SQ3R Reading Technique in Optimizing Reading Skills among Year Six Pupils at SJKC Chung Hwa Kuala Lipis

Lim Peng Ang¹ & Mohd Zikri Ihsan Bin Mohamad Zabhi^{2*}

^{1,2} Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

¹zayn_ang92@yahoo.com & ²mohdzikri@fbk.upsi.edu.my

*Penulis koresponden

Diterima: 10 April 2025; **Disemak semula:** 30 Mei 2025 **Diterima:** 10 Jun 2025; **Diterbitkan:** 20 Jun 2025

To cite this article (APA): Lim, P. A., & Mohamad Zbhi, M. Z. I. (2025). Keberkesanan Teknik Membaca SQ3R untuk Mengoptimumkan Kemahiran Membaca dalam kalangan murid tahun enam di SJKC Chung Hwa Kuala Lipis. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 67-76. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.6.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.6.2025>

ABSTRAK

Kajian ini menilai keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca serta prestasi akademik murid Bahasa Melayu di SJKC Chung Hwa, Kuala Lipis, Pahang. Reka bentuk kuantitatif dilaksanakan melalui soal selidik berstruktur yang terdiri daripada tiga bahagian utama: maklumat latar belakang responden, persepsi terhadap teknik membaca SQ3R, dan kesannya terhadap pencapaian peperiksaan. Sampel kajian melibatkan 100 murid yang dipilih secara rawak. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui kaedah statistik deskriptif serta inferensial. Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam pemahaman teks dan skor peperiksaan selepas pelaksanaan teknik SQ3R ($p < 0.05$). Maklum balas responden turut mencerminkan peningkatan minat dan keyakinan dalam pembelajaran. Implikasi kajian mencadangkan potensi penerapan SQ3R sebagai pendekatan pedagogi inovatif dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga memberikan asas bagi penambahbaikan latihan guru, pembangunan modul pembelajaran, serta pengukuhan kurikulum sekolah rendah.

Kata kunci: Teknik membaca SQ3R, kemahiran membaca, Bahasa Melayu

ABSTRACT

This study evaluated the effectiveness of the SQ3R reading technique in enhancing reading skills and academic performance of Malay language students at SJKC Chung Hwa, Kuala Lipis, Pahang. A quantitative design was implemented using a structured questionnaire comprising three main sections: respondents' background information, perceptions of the SQ3R technique, and its impact on examination performance. The study sample consisted of 100 randomly selected students. Data were analyzed using SPSS through descriptive and inferential statistical methods. Findings revealed significant improvements in text comprehension and examination scores after the implementation of the SQ3R technique ($p < 0.05$). Respondents also reported greater interest and confidence in the learning process. The implications suggest that SQ3R holds strong potential as an innovative pedagogical approach in Malay language instruction. This research provides a foundation for teacher training enhancement, learning module development, and curriculum advancement at the primary school level.

Keywords: SQ3R reading technique, reading skills, Malay language

PENGENALAN

Teknik membaca SQ3R merupakan pendekatan strategik yang terdiri daripada lima fasa utama iaitu *Survey*, *Question*, *Read*, *Recite*, dan *Review*. Diperkenalkan oleh Francis P. Robinson (1941) dalam karyanya *Effective Study*, teknik ini menekankan kepentingan tinjauan awal terhadap struktur teks untuk membina rangka konseptual sebelum pembacaan mendalam. Fasa '*Survey*' memberikan gambaran keseluruhan tentang teks, manakala '*Question*' mengaktifkan proses kognitif melalui soalan kritikal. Aktiviti '*Recite*' dan '*Review*' pula penting untuk mengukuhkan ingatan serta pemahaman teks, seperti yang dibuktikan dalam kajian oleh Pressley dan Woloshyn (1995), Karpicke dan Roediger (2008), serta Dunlosky et al. (2013).

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di SJKC Chung Hwa Kuala Lipis, terdapat cabaran utama seperti kekurangan bahan bacaan berkualiti dan variasi penggunaan bahasa ibunda. Pendekatan pengajaran tradisional yang mengutamakan hafalan, seperti yang dihuraikan oleh Abdul Rasid Jamian (2011) dan didukung oleh kajian Jayaganes Balanadam dan Khairul Azhar Jamaluddin (2021), menyebabkan murid gagal memahami teks secara kritikal. Kajian terkini oleh Nurhidayah Mat Husin et al. (2023) dan Low Jie Ying serta Zamri Mahamod (2024) mencadangkan perlunya strategi pengajaran yang diubah suai secara berstruktur untuk menghadapi cabaran pendidikan globalisasi dan digitalisasi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti persepsi murid Tahun Enam terhadap penguasaan kemahiran membaca melalui penerapan teknik SQ3R sebagai strategi pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan meneliti tahap kemahiran membaca murid dengan membandingkan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi menilai keberkesanan intervensi yang dijalankan. Seterusnya, bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif, kajian ini menganalisis secara empirikal kesan penggunaan teknik membaca SQ3R terhadap peningkatan kemahiran membaca murid, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang impak pendekatan ini dalam konteks pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

PENYATAAN MASALAH

Kemahiran membaca merupakan asas utama dalam penguasaan ilmu dan pencapaian akademik murid sekolah rendah, khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Walaupun murid SJKC mempamerkan kelancaran membaca, mereka sering mengalami kelemahan dalam memahami dan menganalisis teks, kerana lebih menitikberatkan hafalan tanpa mengaitkan maklumat dengan konteks sebenar (Abdul Rasid Jamian, 2011). Di samping itu, pendedahan kepada Bahasa Melayu adalah terhad di kalangan murid SJKC disebabkan dominasi penggunaan Bahasa Mandarin atau dialek lain di rumah, yang turut memberi kesan kepada tahap penguasaan membaca (Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin, 2021). Kekangan masa dan kekurangan sumber pembelajaran juga menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam menerapkan strategi pengajaran yang efektif (Ng Siok Hoon, Saemah Rahma, & Shahlan Surat, 2022).

Dalam menghadapi cabaran ini, teknik membaca SQ3R yang terdiri daripada fasa *Survey*, *Question*, *Read*, *Recite*, dan *Review* dicadangkan sebagai pendekatan inovatif untuk meningkatkan pengolahan maklumat dan pemahaman teks. Walaupun kelebihan teoritikal teknik ini telah diiktiraf, aplikasinya dalam kalangan murid Tahun Enam di SJKC Kuala Lipis masih belum diterokai secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini menilai secara empirikal keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca dan prestasi akademik murid Bahasa Melayu di SJKC Kuala Lipis melalui analisis skor ujian pra-intervensi dan pasca-intervensi serta maklum balas soal selidik. Dapatan kajian diharapkan dapat menyediakan asas bagi pengubahsuaian strategi pengajaran, sekaligus meningkatkan mutu kecakapan membaca dan pencapaian akademik murid dalam era pendidikan abad ke-21.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini menggabungkan prinsip pembelajaran bermakna oleh Ausubel dengan model pemprosesan maklumat Atkinson dan Shiffrin (1968) untuk menerangkan keberkesanan teknik membaca SQ3R. Ausubel menegaskan bahawa pembelajaran bermakna berlaku apabila konsep baharu dihubungkan dengan struktur kognitif sedia ada, manakala Atkinson dan Shiffrin membahagikan proses kognitif kepada pendaftaran, penyimpanan, dan penarikan semula maklumat. Gabungan kedua-dua pendekatan ini memberikan dasar kukuh untuk meningkatkan pengolahan dan pengekalan maklumat dalam kalangan murid.

Teknik SQ3R merangkumi lima fasa berstruktur: *Survey*, *Question*, *Read*, *Recite*, dan *Review*. Pada fasa *Survey*, murid membentuk skema awal melalui pemerhatian elemen visual, tajuk, dan subtopik teks. Fasa *Question* mengarahkan murid untuk merangka soalan kritikal yang mengaitkan maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada. Semasa fasa *Read* dan *Recite*, murid mengulangi maklumat secara lisan untuk membantu pengkodan mendalam dan mengurangkan beban ingatan jangka pendek, selaras dengan prinsip 'chunking' yang dicadangkan oleh Miller (1956). Akhirnya, fasa *Review* mengukuhkan konsolidasi maklumat ke dalam ingatan jangka panjang melalui semakan berkala.

Integrasi langkah-langkah SQ3R dengan model pemprosesan maklumat memastikan maklumat diproses secara sistematik, meningkatkan penguasaan teks, inferens, dan analisis kritis. Di samping itu, faktor konteks seperti pendedahan terhadap kepada Bahasa Melayu di rumah, kekangan sumber, serta masa pengajaran turut memoderatkan keberkesanan intervensi ini. Secara keseluruhan, kerangka konseptual ini menyediakan panduan teoretikal yang holistik bagi menerangkan hubungan antara intervensi SQ3R dan peningkatan kemahiran membaca, serta menjadi asas empirikal untuk merangka strategi pengajaran Bahasa Melayu yang lebih inovatif dan responsif terhadap keperluan pendidikan abad ke-21.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk :

1. Menenal pasti persepsi murid terhadap kemahiran membaca menggunakan teknik SQ3R.
2. Menentukan tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid sebelum dan selepas pelaksanaan teknik SQ3R melalui ujian pra dan ujian pasca.
3. Menganalisis kesan penggunaan teknik membaca SQ3R terhadap murid.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan yang berikut:

1. Apakah persepsi murid terhadap kemahiran membaca menggunakan teknik SQ3R?
2. Bagaimanakah tahap kemahiran membaca dalam kalangan murid sebelum dan selepas menggunakan teknik SQ3R melalui ujian pra dan ujian pasca?
3. Sejauh manakah kesan penggunaan teknik membaca SQ3R dapat membantu murid dalam penguasaan kemahiran membaca?

KAJIAN LEPAS BERKAITAN TEKNIK SQ3R

Kajian lepas menunjukkan bahawa teknik membaca SQ3R telah digunakan dalam pelbagai konteks pendidikan daripada sekolah rendah dan menengah sehingga institusi pengajian tinggi dengan reka bentuk penyelidikan seperti eksperimen, kuasi-eksperimen, analisis kandungan dan kajian neurosains. Di sekolah

rendah, penyelidikan oleh Faznuhal, Nurfaizah dan Siti Nursiah (2023) serta Yusmidarnis (2024) mendapati peningkatan signifikan skor bacaan pra-intervensi dan pasca-intervensi, serta peningkatan motivasi murid, yang mengesahkan bahawa pelaksanaan lima fasa (*Survey, Question, Read, Recite, Review*) mampu memperkukuh kefahaman teks dan literasi bacaan.

Di institusi pengajian tinggi, kajian telah menumpukan kepada penggunaan SQ3R pada bahan akademik kompleks seperti teks bahasa asing, modul sendiri dan tugas penyelidikan. Sebagai contoh, Suhaila Zailani et al. (2012) menunjukkan peningkatan penguasaan kosa kata dan kefasihan bacaan melalui SQ3R, manakala Chew Moi Fong dan Ng Miew Hoon (2020) menekankan pengajaran sendiri yang interaktif apabila menggabungkan SQ3R dengan model kelas terbalik. Selain itu, kajian neurosains oleh Rosnee Ahad et al. (2024) mendapati aktiviti gelombang otak dalam fasa *Read* dan *Recite* meningkat, menyokong keberkesanan teknik ini daripada aspek kognitif.

Secara antarabangsa, pelbagai kajian telah mengadaptasi SQ3R dalam konteks pengajaran yang berbeza. Penyelidikan oleh Aulia Andhini, Annisa Tasyakurna M, dan Rahma Widi (2025) menggunakan reka bentuk campuran untuk mengenal pasti faktor demografi, motivasi dalaman dan kekerapan penggunaan SQ3R sebagai prediktor peningkatan kefahaman teks naratif. Sementara itu, kajian oleh Roza Melinda Puri, Jody Setya Hermawan dan Muhsom (2024) menunjukkan bahawa SQ3R yang diperkaya dengan persembahan Prezi meningkatkan skor bacaan sebanyak 18% dan minat belajar yang tinggi. Di samping itu, Firda Wulan Sudarsono dan Yuli Astutik (2024) mengesahkan peningkatan signifikan dalam kemahiran membaca melalui reka bentuk kuasi-eksperimen.

Secara keseluruhan, sintesis kajian di dalam dan luar negara menunjukkan bahawa teknik SQ3R mempunyai impak positif yang konsisten terhadap peningkatan kefahaman bacaan, literasi kritikal dan motivasi murid. Kepelbagaian metodologi yang digunakan membuktikan bahawa pelaksanaan SQ3R boleh diadaptasi kepada pelbagai konteks pendidikan dengan penekanan pada pengolahan maklumat melalui aktiviti berstruktur. Dapatan-dapatan ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk penerapan teknik SQ3R dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, serta mendorong pembangunan modul pembelajaran yang lebih inovatif, berasaskan bukti dan responsif terhadap cabaran pendidikan abad ke-21.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk *pretest-posttest* eksperimental untuk menilai keberkesanan teknik SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca murid Tahun Enam di SJKC Chung Hwa Kuala Lipis. Kawasan kajian dipilih secara rawak dengan 100 murid yang memenuhi kriteria penyertaan untuk memastikan keterwakilan yang mencukupi dan mengurangkan bias. Instrumen utama ialah ujian pra-intervensi dan pasca-intervensi yang direka untuk mengukur tiga aspek kefahaman bacaan: literal, inferens dan analisis kritis. Ujian pra dilaksanakan sebelum intervensi, manakala ujian pasca dijalankan selepas sesi pengajaran SQ3R (*Survey, Question, Read, Recite, Review*). Selain itu, borang soal selidik berstruktur dikumpul untuk mendapatkan maklumat latar belakang (jantina, bangsa) serta persepsi murid terhadap keberkesanan teknik SQ3R.

Kesahihan dan ketepatan instrumen telah diuji melalui kajian perintis dan semakan panel pakar, sebelum data dianalisis menggunakan SPSS. Statistik deskriptif digunakan untuk menggambarkan taburan skor dan data latar belakang, manakala analisis inferensial menilai perbezaan skor antara ujian pra-intervensi dan pasca-intervensi bagi menentukan keberkesanan intervensi. Pendekatan metodologi ini menyediakan asas kukuh untuk menilai impak teknik SQ3R terhadap kemahiran membaca dan prestasi akademik murid, serta membantu pengkaji membuat inferens data mengenai keberkesanan intervensi pedagogi yang dicadangkan.

POPULASI DAN SAMPEL

Menurut data Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, jumlah murid Tahun Enam di negeri ini adalah seramai 105 orang. Populasi kajian ini terdiri daripada murid Tahun Enam di SJKC Chung Hwa, Kuala Lipis, yang mengikuti sukatan pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan populasi yang terfokus ini memastikan keterwakilan yang relevan dengan konteks penyelidikan serta meningkatkan kebolehpercayaan hasil. Sampel dikumpulkan menggunakan teknik pensampelan bertahap. Pertama, senarai murid diperoleh daripada rekod terkini sekolah. Kedua, peserta ditapis berdasarkan kriteria seperti kehadiran kelas minimum 85% dan skor ujian pra-intervensi yang sederhana, bagi memastikan hanya murid yang menunjukkan minat dan komitmen yang diambil kira. Akhir sekali, kumpulan akhir dipilih dengan mengambil kira keseimbangan jantina serta variasi pencapaian bacaan. Saiz sampel ditetapkan kepada 100 murid, merujuk kepada Jadual Krejcie dan Morgan (1970) untuk populasi di bawah 200, dengan tahap keyakinan 95% dan margin ralat 5%, disokong oleh panduan Arikunto (2006) dan Palinkas et al. (2015). Pendekatan ini dijangka menghasilkan data yang valid dan reliabel untuk menilai keberkesanan teknik SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca murid Tahun Enam di SJKC Chung Hwa, sekaligus membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan tiga instrumen utama untuk mengumpulkan data yang relevan berkaitan dengan keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam meningkatkan kemahiran membaca murid. Instrumen-instrumen ini telah direka secara teliti dan diuji dari segi validiti dan reliabiliti melalui kajian perintis serta semakan panel pakar, bagi memastikan data yang dikumpul adalah sahih dan tepat untuk analisis statistik menggunakan perisian SPSS.

Pertama, **Ujian Kefahaman Bacaan Pra** direka untuk mengukur tahap asas pemahaman teks murid sebelum intervensi SQ3R dilaksanakan. Instrumen ini menggunakan format soalan berdasarkan piawaian Ujian UASA iaitu format pentaksiran kebangsaan yang merangkumi tiga aspek utama: kefahaman literal, inferensi, dan analisis kritis. Soalan-soalan terdiri daripada item pilihan berganda serta soalan esei ringkas yang bertujuan untuk menilai sejauh mana murid dapat mengenal pasti dan mengolah maklumat yang terkandung dalam teks secara objektif.

Kedua, **Ujian Kefahaman Bacaan Pasca** digunakan selepas pelaksanaan intervensi untuk menilai perubahan dalam tahap penguasaan teks murid. Instrumen ini diselaraskan secara seragam dengan ujian pra, membolehkan perbandingan yang objektif antara skor sebelum dan selepas intervensi. Pendekatan yang konsisten ini membolehkan pengukuran tepat terhadap peningkatan dalam kefahaman literal, inferensi, dan analisis kritis, sekaligus menilai keberkesanan kaedah SQ3R sebagai intervensi pembelajaran.

Ketiga, **Borang Soal Selidik Persepsi Murid** disediakan untuk mengumpulkan data demografi seperti jantina dan bangsa, serta untuk mendokumentasikan sikap, pendapat, dan persepsi murid terhadap keberkesanan teknik SQ3R. Instrumen ini menggunakan skala Likert lima peringkat yang membolehkan responden memberikan penilaian secara ordinal terhadap pelbagai aspek intervensi, seperti peningkatan fokus, daya ingatan, serta keyakinan dalam menjawab soalan. Data subjektif yang dikumpulkan melalui soal selidik ini turut memperkayakan analisis data kuantitatif dengan memberikan gambaran mendalam tentang pengalaman dan persepsi murid terhadap intervensi yang diterapkan.

Secara keseluruhan, gabungan ketiga-tiga instrumen ini menyediakan asas yang kukuh untuk menilai impak intervensi SQ3R, serta memastikan bahawa penilaian perubahan prestasi akademik dan penguasaan teks murid dilakukan secara menyeluruh dan objektif.

ANALISIS DATA KAJIAN

Data yang diperolehi daripada ujian kefahaman bacaan pra, ujian kefahaman bacaan pasca, serta borang soal selidik menunjukkan peningkatan yang konsisten dalam kemahiran membaca murid selepas pelaksanaan intervensi teknik SQ3R. Analisis deskriptif mendapati bahawa skor ujian pra, yang mencerminkan tahap asas pemahaman bacaan, menunjukkan nilai min dan median yang berada pada tahap sederhana. Sebaliknya, ujian kefahaman bacaan pasca mendapati peningkatan yang ketara dalam penguasaan teks, dengan peningkatan nilai median dan min yang signifikan. Perbandingan antara skor pra dan pasca menunjukkan peningkatan peratusan yang nyata selalunya antara 15% hingga 20% yang mengindikasikan peningkatan keupayaan pemprosesan maklumat dan kefahaman teks di kalangan murid. Penggunaan kaedah statistik non-parametrik, seperti ujian Wilcoxon Signed-Rank, memastikan bahawa peningkatan skor yang diperolehi adalah signifikan ($p < 0.05$) dan bukan disebabkan oleh variasi asas dalam kumpulan peserta.

Selain daripada analisis skor ujian, data daripada borang soal selidik turut mencerminkan persepsi positif murid terhadap keberkesanan teknik SQ3R. Instrumen soal selidik yang menggunakan skala Likert lima peringkat menunjukkan bahawa majoriti responden memberi penilaian tinggi (nilai min antara 4.0 hingga 4.5) terhadap aspek peningkatan minat, keyakinan, dan keupayaan mereka untuk menerapkan strategi bacaan secara sistematik selepas intervensi. Maklum balas yang konsisten ini menggambarkan bahawa murid merasakan manfaat yang signifikan dalam mengorganisasi dan menginternalisasikan maklumat teks melalui pendekatan SQ3R, yang seterusnya meningkatkan sikap dan motivasi dalam aktiviti pembacaan.

Secara keseluruhan, dapatan analisis data menyokong hipotesis bahawa intervensi teknik membaca SQ3R mempunyai impak positif ke atas peningkatan kemahiran membaca murid. Peningkatan skor ujian yang signifikan, disertai dengan maklum balas subjektif yang positif daripada murid, menyatakan bahawa penggunaan teknik SQ3R berpotensi untuk diterapkan secara meluas dalam strategi pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Hasil kajian ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk mencadangkan penambahbaikan dalam modul pembelajaran, latihan guru, dan perancangan intervensi pedagogi berstruktur, sekaligus menyumbang kepada peningkatan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam era pendidikan abad ke-21.

DAPATAN KAJIAN

Peningkatan Prestasi Membaca

Jadual 1: Perbandingan Skor Ujian Kefahaman Bacaan pra-intervensi dan pasca-intervensi

Parameter	Skor Pra (Purata)	Skor Pasca (Purata)	Peningkatan Purata (%)
Keseluruhan Ujian	32.6	41.0	+25.8
Bahagian A	6.7	10.1	+50.7
Bahagian B	5.4	7.9	+46.3

Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara skor ujian kefahaman bacaan sebelum dan selepas intervensi teknik membaca SQ3R. Secara keseluruhan, skor purata meningkat daripada 32.6 kepada 41.0, menunjukkan peningkatan sebanyak 25.8% dalam keupayaan murid menguasai teks. Peningkatan yang ketara juga diperhatikan dalam Bahagian A, yang mengukur pemahaman mendalam terhadap isi, struktur, dan makna teks, dengan peningkatan purata lebih daripada 50%. Sementara itu, Bahagian B, yang menilai keupayaan murid dalam membuat inferens dan analisis kritis, menunjukkan kenaikan sekitar 46.3%. Dapatan ini jelas menyokong hipotesis kajian bahawa penerapan teknik SQ3R mempertingkatkan proses pengolahan dan pengekalan informasi, sekaligus meningkatkan kemahiran membaca secara menyeluruh.

Persepsi Positif Murid Terhadap Teknik SQ3R

Jadual 2: Skor Persepsi Murid Terhadap Keberkesanan Teknik SQ3R

Pernyataan	Skor Min	Sisihan Piawai (SD)	Kadar Persetujuan (%)
"Selepas menggunakan SQ3R, saya dapat memahami teks Bahasa Melayu dengan lebih baik"	4.15	0.671	85%
"Teknik SQ3R membantu saya mengingati maklumat daripada teks yang dibaca"	4.30	0.733	85%
"Penggunaan teknik SQ3R membantu saya mengenal pasti maklumat penting dalam petikan bacaan"	4.50	0.513	85–95%

Jadual 2 memaparkan skor min bagi item-item soal selidik yang mengukur persepsi murid terhadap keberkesanan teknik SQ3R. Dapatan menunjukkan bahawa skor min bagi setiap pernyataan berada antara 4.15 dan 4.50, disertai dengan sisihan piawai yang rendah, mencerminkan konsistensi dan kestabilan respon murid. Dengan kadar persetujuan positif yang mencapai 85% ke atas, jelas bahawa majoriti murid mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap aplikasi teknik SQ3R dalam meningkatkan pemahaman teks. Penemuan ini menekankan bahawa pendekatan berstruktur yang ditawarkan oleh SQ3R bukan sahaja memperbaiki pengolahan maklumat tetapi turut meningkatkan daya ingatan, fokus, dan keyakinan diri murid dalam menghadapi tugas pembacaan.

Kesan Terhadap Prestasi Akademik

Jadual 3: Persepsi Murid Terhadap Kesan Teknik SQ3R pada Prestasi Akademik

Pernyataan	Kategori Respon (%)
"Teknik SQ3R telah meningkatkan prestasi saya dalam peperiksaan Bahasa Melayu"	30% Setuju; 55% Sangat Setuju
"Secara keseluruhan, saya percaya bahawa penggunaan teknik SQ3R memberi kesan positif kepada kemahiran membaca dan prestasi akademik saya"	50% Setuju; 50% Sangat Setuju

Jadual 3 merangkum maklum balas murid mengenai impak intervensi teknik SQ3R ke atas prestasi akademik mereka. Data menunjukkan bahawa bagi pernyataan mengenai peningkatan prestasi peperiksaan Bahasa Melayu, 30% murid memilih kategori "Setuju" manakala 55% memilih "Sangat Setuju", menghasilkan kadar persetujuan keseluruhan sebanyak 85%. Bagi pernyataan keseluruhan yang mengaitkan penggunaan SQ3R dengan peningkatan kemahiran membaca dan prestasi akademik, terdapat pemarkahan yang seimbang; 50% "Setuju" dan 50% "Sangat Setuju", menghasilkan maklum balas eksklusif positif daripada 100% responden. Cadangan ini menegaskan bahawa struktur pengajaran SQ3R, melalui proses peninjauan, penyoalan, pembacaan, perincian, dan ulasan, bukan sahaja mempertingkatkan penguasaan konsep tetapi juga meningkatkan keyakinan murid dalam menghadapi cabaran peperiksaan. Dapatan ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk mencadangkan pengintegrasian teknik SQ3R dalam modul pengajaran Bahasa Melayu, sekaligus meningkatkan mutu pembelajaran dan pencapaian akademik di peringkat sekolah rendah.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa intervensi teknik membaca SQ3R memberikan impak signifikan dalam meningkatkan kemahiran membaca murid melalui pendekatan pembelajaran yang berstruktur. Analisis perbandingan skor ujian pra-intervensi dan pasca-intervensi mendapati peningkatan purata antara 15% hingga 20% dalam penguasaan teks. Peningkatan ini mencerminkan pengolahan maklumat yang lebih mendalam dan sistematik selepas murid menjalani fasa-fasa utama SQ3R, iaitu Survey, Question, Read, Recite, dan Review. Dengan mengambil kira peningkatan statistik yang diperolehi, jelas bahawa pengajaran melalui SQ3R telah menyumbang kepada pembinaan rangka kerja kognitif murid yang lebih mantap, membolehkan mereka memahami dan mengaitkan konsep-konsep asas dalam teks secara lebih holistik.

Gabungan data kuantitatif daripada ujian bacaan bersama maklum balas subjektif murid yang diperolehi melalui soal selidik turut menyokong keberkesanan teknik ini. Skor persepsi yang berada dalam lingkungan 85% hingga 95% menunjukkan bahawa majoriti murid mendapat manfaat daripada teknik SQ3R, terutamanya dalam aspek peningkatan fokus, daya ingatan, dan keyakinan dalam menjawab soalan peperiksaan. Respons positif ini tidak hanya mencerminkan keberkesanan instrumen pengajaran tetapi juga mengindikasikan bahawa pendekatan pembelajaran interaktif dan reflektif telah mengaktifkan proses sendiri dalam kalangan murid. Hal ini menjadi asas kepada hujah bahawa teknik SQ3R berfungsi sebagai pemangkin utama dalam merangsang kemampuan kognitif serta literasi kritikal, yang mana kedua-dua aspek ini amat penting dalam dunia pendidikan masa kini.

Perbandingan dapatan kajian ini juga selaras dengan hasil penyelidikan terdahulu. Kajian oleh Samsul Khoirul Muklis (2021) dan Ewo Priyo Susanto (2022) mendapati penambahbaikan yang signifikan dalam pencapaian bacaan melalui penggunaan pendekatan interaktif dalam pengajaran, manakala kajian antarabangsa oleh Arifah et al. (2024) dan Uyu Muawwanah (2025) menekankan kelebihan penggunaan elemen multimedia dalam meningkatkan literasi kritikal. Sinergi antara data kajian semasa dengan literatur terdahulu ini mengukuhkan bahawa teknik membaca SQ3R tidak hanya berkesan dari segi peningkatan skor ujian tetapi juga dalam membentuk sikap positif dan motivasi murid terhadap proses pembelajaran.

Lebih dari itu, proses pembelajaran yang diaktifkan oleh SQ3R telah menjadikan murid lebih proaktif dalam mengendalikan informasi. Pendekatan ini menggalakkan murid untuk sentiasa menyoal dan mengulangkaji maklumat, sekaligus mendorong mereka untuk mengaitkan maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada secara kritis. Dengan demikian, peningkatan prestasi bukan sahaja dilihat dari segi penguasaan literal teks, malah turut merangkumi peningkatan dalam analisis kritis dan inferens – elemen penting dalam pengembangan pemikiran analitis serta penyelesaian masalah.

Secara menyeluruh, dapatan kajian memberikan implikasi mendalam kepada pendidik untuk mengadaptasi model pembelajaran yang lebih holistik dan berasaskan bukti. Penerapan teknik SQ3R dinilai mampu memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21, di mana kemahiran literasi kritikal serta penguasaan maklumat menjadi keutamaan. Oleh itu, pendekatan pedagogi yang inovatif seperti SQ3R hendaknya diterapkan secara meluas dalam modul pengajaran Bahasa Melayu, agar dapat meningkatkan mutu pembelajaran dan mempersiapkan modal insan yang berkualiti tinggi dalam menghadapi cabaran globalisasi dan era digital.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini membuktikan bahawa penerapan teknik SQ3R meningkatkan kemahiran membaca dan pencapaian akademik murid Bahasa Melayu di sekolah rendah. Peningkatan skor pra-intervensi dan pasca-intervensi, serta persepsi positif murid, menunjukkan keberkesanan pendekatan berstruktur ini dalam membantu penguasaan teks. Secara praktikal, SQ3R wajar diintegrasikan ke dalam pengajaran harian dengan sokongan latihan guru dan pembangunan modul khusus. Dari segi penyelidikan, kajian lanjutan menggunakan pendekatan campuran, perbandingan dengan teknik membaca lain, dan kajian longitudinal berskala besar disyorkan untuk memperkukuh asas empirikal. Sumbangan kajian ini juga selari dengan

aspirasi pendidikan berteraskan peradaban Melayu, iaitu membina insan yang literat, kritis, dan berdaya saing dalam konteks abad ke-21.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Tajul Shuhaizam bin Said, Pengarah Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), serta Dr. Md Zahril Nizam bin Md Yusoff, Timbalan Pengarah Institut Peradaban Melayu, atas kepimpinan, tunjuk ajar, dan sokongan berterusan dalam memperkukuh wacana keilmuan berkaitan peradaban Melayu. Sumbangan mereka dalam menyediakan ruang, peluang, serta bimbingan amat bermakna dalam penghasilan artikel ini. Penghargaan turut ditujukan kepada warga Institut Peradaban Melayu (IPM) dan para sarjana yang telah memberikan pandangan konstruktif, idea bernas, serta maklum balas ilmiah yang mengukuhkan lagi perbincangan artikel ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua informan, peserta, dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan data dan penambahbaikan manuskrip. Akhir sekali, pengkaji menghargai sokongan moral dan intelektual daripada keluarga serta rakan seperjuangan yang terus menjadi pendorong dalam usaha mengembangkan khazanah ilmu dan memperkaya wacana peradaban Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 12–21.
<https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/19>
- Arifah, Z. N., Oshmany, M. I., Rahmawati, D. P., Priatna, D. D., Satria, R., & Kusmayati, N. B. (2024). Digital Literacy Model through Critical Reading of Hoax News Texts with SQ3R Technique. *SUAR BETANG*, 19(1), 103-113.
- Aulia Andhini, Annisa Tasyakurna. M & Rahma Widi. (2025). The Factors Influence the Improvement of Students' Reading Comprehension in Narrative Text through SQ3R Reading Methods of The Third-Year Students at SMPN 2 Kampar Kiri. *EJI (English Journal of Indragiri): Studies in Education, Literature, and Linguistics*, 9(1), 157-166.
- Chew Moi Fong & Ng Miew Hoon. (2020). A Conceptual Framework: The Integration of SQ3R in Flipped Classroom Model for Chinese Reading Comprehension. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(2), 421-431.
- Dunlosky, J., Rawson, K. A., Marsh, E. J., Nathan, M. J., & Willingham, D. T. (2013). Improving students' learning with effective learning techniques: Promising directions from cognitive and educational psychology. *Psychological Science in the Public Interest*, 14(1), 4–58.
<https://pcl.sitehost.iu.edu/rgoldsto/courses/dunloskyimprovinglearning.pdf>
- Ewo Priyo Susanto. (2022). The Use of Integrating SQ3R Technique and Quizizz Application to Improve Students' Reading Achievement. *International Journal of Research and Review*, 9(2), 351-360.
- Faznuhal, Nurfaizah & Siti Nursiah. (2023). Penerapan Model SQ3R (Survey, Question, Read, Recite, And Review) untuk Meningkatkan Keterampilan Membaca Pemahaman Pada Siswa Kelas V SD. *Jurnal Metafora Pendidikan (JMP)*, 1(1), 58-70.
- Firda Wulan Sudarsono & Yuli Astutik. (2024). Evaluating the Effectiveness of the SQ3R Method in Enhancing Students' Reading Proficiency. *Script Journal: Journal of Linguistics and English Teaching*, 9(1), 24-41.
- Francis P. Robinson. (1941). *Effective Study*. Harper & Brothers.
<https://archive.org/details/in.ernet.dli.2015.224377>
- Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca dikalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 112–126.
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/16676>

- Jeffrey D. Karpicke & Henry L. Roediger. (2008). The critical importance of retrieval for learning. *Science*, 319 (5865), 966–968.
http://psychnet.wustl.edu/memory/wp-content/uploads/2018/04/Karpicke-Roediger-2008_Sci.pdf
- Lawrence A. Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration & Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533–544. <https://link.springer.com/article/10.1007/s10488-013-0528-y>
- Low Jie Ying & Zamri Mahamod. (2024). Strategi dan cabaran pengajaran kemahiran membaca di SJKC di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 75–88.
<https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/381>
- Ng Siok Hoon, Saemah Rahma & Shahlan Surat (2022). Kesan strategi metakognitif ke atas kemahiran bacaan pemahaman murid SJKC Tahap 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1376>
- Nurhidayah Mat Husin & Wan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2023). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid Tahun 1 di SJKC: Kes di SJKC Kuala Lipis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 45–58. <https://mycite.mohe.gov.my/en/files/article/196446>
- Pressley, M., & Woloshyn, V. (1995). *Cognitive strategy instruction that really improves children's academic performance*. Brookline Books. <https://archive.org/details/cognitivestrateg0000pres>
- Richard Chatham Atkinson & Richard Shiffrin. (1968). Human memory: A proposed system and its control processes. In K. W. Spence & J. T. Spence (Eds.), *The psychology of learning and motivation* (Vol. 2, pp. 47–89). Academic Press. [https://doi.org/10.1016/S0079-7421\(08\)60422-3](https://doi.org/10.1016/S0079-7421(08)60422-3)
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
<https://psycnet.apa.org/record/1971-03263-001>
- Rosnee Ahad, Foong, L. M., Mustafa, M. Z., Abd Rahman, A., Fuad, N., & Kawi, F. F. S. (2024, July). Analysis of Electroencephalogram Data Activity During Reading Using Scanning and Survey Question Read Recite Review Techniques. In *2024 9th International STEM Education Conference (iSTEM-Ed)* (pp. 1-5). IEEE.
- Roza Melinda Puri, Jody Setya Hermawan & Muhiom. (2024). The Effectiveness of Reading Comprehension Skills Through Survey, Question, Read, Recite, Review Reading Techniques in Islamic Religious Education Subjects Assisted by Prezi in Grade V Elementary Schools. *Terampil: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar*, 11(2), 207-222.
- Samsul Khoirul Muklis. (2021). Pengembangan Lembar Kerja Peserta Didik (LKPD) Mata Muridan Bahasa Indonesia Berbasis Teknik Survey, Question, Read, Recite, Review (SQ3R) dan Cooperative Integrated Reading and Composition (CIRC) Kelas VII MTs Al-Ittihad Poncokusumo Malang. *NOSI*, 9(2).
- Suhaila Zailani @ Ahmad, Idris, M. R., Hakim Zainal, R. S., Sidek, M., Asha'ari, M. F., Hamjah, S. H., Othman, F. M., ... & Khatab, M. F. (2012). Teknik Membaca SQ3R dan Penerapannya dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab.
- Suharsimi Arikunto. (2006). Prosedur penelitian: suatu pendekatan praktik. Jakarta: Rineka Cipta. Telkom University Repository:
<https://repository.telkomuniversity.ac.id/pustaka/98698/prosedur-penelitian-suatu-pendekatan-praktik.html>
- Uyu Muawwanah. (2025). Pengembangan Multimedia Interaktif Berbasis SQ3R (Survey, Question, Read, Recite, dan Review) Untuk Meningkatkan Kemampuan Membaca Pemahaman Siswa Dalam Pembelajaran Bahasa Jawa Banten Kelas Iv Sekolah Dasar (Doctoral Dissertation, Universitas Negeri Jakarta).
- Yusmidarnis, Y. (2024). Penerapan Metode Survey, Question, Read, Recite, Review (SQ3R) Untuk Meningkatkan Keterampilan Membaca Pemahaman Siswa di Sekolah Dasar. *Journal of Exploratory Dynamic Problems*, 1(1), 78-84.